

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR TUAN HAJI BAHARUDDIN BIN AHMAD

TARIKH : 18 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

Senator Tuan Haji Baharuddin Bin Ahmad minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) statistik bilangan penumpang tren ETS pada tahun ini khususnya bagi destinasi ke Negeri Perlis; dan
- (b) apakah usaha untuk menambah baik perkhidmatan tren ini yang senantiasa menjadi pilihan utama bagi orang ramai khususnya ketika musim cuti sekolah dan perayaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua (2) stesen keretapi yang menjadi perhentian perkhidmatan tren ETS di negeri Perlis iaitu stesen Arau dan Padang Besar. Statistik penumpang perkhidmatan tren ETS bagi kedua-dua stesen ini dari bulan Januari hingga Oktober 2024 adalah 490,105 penumpang, dengan purata sehari sebanyak 1,600 orang penumpang.
2. Kementerian Pengangkutan (MOT) amat prihatin kepada permintaan tinggi pengguna untuk menggunakan perkhidmatan tren ETS. Justeru, Kementerian Pengangkutan bersama agensi di bawahnya iaitu Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah menjalankan beberapa usaha untuk memastikan perkhidmatan tren ETS yang cekap dan selamat kepada pengguna seperti berikut:
 - a. Buat masa ini, sepuluh (10) set tren elektrik ETS sedia ada sedang menjalani kerja - kerja *Maintenance, Repair & Overhaul (MRO)* tahap 4 yang dijadualkan akan siap sepenuhnya pada suku keempat tahun 2025. Ini bagi memastikan tren elektrik tersebut berada pada tahap terbaik dan *reliable* untuk operasi perkhidmatan ETS. Kerja-kerja MRO ini iaitu tahap 3 dan 4 akan diteruskan bagi baki 14 set tren elektrik ETS yang sedang beroperasi mulai suku pertama tahun 2025;
 - b. Kerajaan telah membuat perolehan 10 set tren elektrik ETS baharu yang dijangka dapat digunakan untuk operasi bermula pada suku pertama tahun 2025;
 - c. KTMB juga turut menyediakan tren tambahan terutamanya di musim perayaan dan cuti sekolah khususnya bagi laluan KL Sentral - Padang Besar bagi memenuhi permintaan tinggi dari dan ke sektor utara pada setiap tahun;

NO SOALAN : 7

- d. KTMB menyediakan kafe bistro di dalam tren elektrik ETS yang menyajikan berbagai makanan dan minuman untuk dinikmati oleh penumpang;
- e. KTMB telah memperkenalkan kaedah pembelian tiket secara *open payment*. Pengguna mempunyai pilihan pembelian tiket secara tanpa tunai sama ada melalui kad kredit, kad debit mahupun pembayaran digital melalui aplikasi seperti e-wallet; dan
- f. Selain itu, KTMB juga ada menyediakan perkhidmatan koc kelas perniagaan kepada penumpang. Perkhidmatan kelas perniagaan ini adalah bagi laluan KL Sentral-Padang Besar sebanyak 8 perkhidmatan dan KL Sentral-Butterworth sebanyak 6 perkhidmatan setiap hari.

Sekian, terima kasih.